

# Orang Islam yang Terkemuka

## Saiyidina ‘Abbās ibn ‘Abd al-Muṭalib

Saiyidina ‘Abbās *radīya Allahu ‘anhu* ialah bapa saudara Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Bapa Saiyidina ‘Abbās ialah ‘Abd al-Muṭalib, dan ibunya ialah Natīlah binti Janāb.

Nasab atau susur galur ibunya berkesudahan kepada Nazār bin Mu ‘ad bin ‘Adnān.

Al-Zubayr bin Bakār berkata: Pada suatu hari Saiyidina ‘Abbās telah ditanya:

((Tuanku yang lebih besar (tua) atau Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*?))

Saiyidina ‘Abbās menjawab:

“Rasulullah lebih besar daripadaku, dan aku lebih tua daripadanya. Rasulullah diputerakan ketika aku telah cerdik. Ketika itu ada orang datang memberitahu kepada ibuku: Bahawa Āminah telah bersalin dan mendapat seorang anak lelaki. Pada pagi esoknya ibuku pun keluar dengan membimbing tanganku sehingga kami tiba lalu masuk ke rumah Āminah. Aku masih ingat seolah-olah aku melihat dia (Muḥammad yang baharu diputerakan) menggerak-gerakkan kedua-dua kakinya di tempat tidurnya.

Perempuan-perempuan yang ada di situ menarik-narik aku kepadanya sambil berkata: Ciumlah adikmu)).

Saiyidina ‘Abbās diputerakan tiga tahun lebih dahulu, sebelum tentera gajah melanggar Mekah. Ia seorang yang mulia, tampan, berakal, cantik parasnya, putih kulitnya, gempal tubuhnya, tinggi, nyaring suaranya, penyabar dan budiman.

Ia seorang dermawan, tangannya sentiasa terbuka untuk menolong orang-orang yang kesusahan. Ia juga pembela jiran tetangganya. Sahabat karibnya dalam zaman jahiliah ialah Abū Sufyān bin Ḥarb.

‘Imārah bin ‘Imār meriwayatkan dari bapanya bahawa datuknya berkata:

Dalam peperangan Badar (setelah tentera musyrikin hancur menerima penangan tentera Islam – P.) saya lihat ‘Abbās berdiri seolah-olah sebuah berhala, dan air matanya menitis. Saya pun berkata kepadanya: Adakah patut kamu memerangi anak saudaramu? (Nabi Muḥammad S.A.W) dengan berpihak kepada musuhnya? Tiba-tiba ‘Abbās bertanya: Apa ia (Muḥammad) telah lakukan? Adakah ia telah terbunuh?

Jawabku: Allah Maha Gagah dan sebaik-baik penolong baginya dari apa yang dikatakan itu. ‘Abbās bertanya lagi:

((Sekarang apa yang kau kehendaki?))

((Hendak menawanmu)), jawabku, ((kerana

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah melarang daripada membunuhmu.)

Mendengarkan itu ‘Abbās berkata: ((Ini bukanlah budinya yang pertama kepadaku)) (yakni sebelum itu banyak sekali budi Rasulullah kepadanya – P).

Saya pun menawan ‘Abbās lalu membawanya kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu junjungan berkata kepada ‘Abbās: ((Tebuslah diri mamanda))

‘Abbās enggan lalu berkata: ((Aku telah Islam sebelum itu tetapi mereka (kaum jahiliah) telah memaksakan aku (datang bersama-sama mereka ke medan perang Badar ini – P.))

Mendengarkan itu Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* berkata: ((Allah lebih mengetahui akan perihal mamanda, kalau benar apa yang mamanda katakan itu maka Allah akan membalasnya, tetapi perbuatan mamanda yang zahir kelihatan ialah menentang kita, oleh itu hendaklah mamanda menebus diri.))

Riwayat ‘Imārah itu menyebutkan lagi: Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sebelum itu telah mengambil dua puluh tahlil emas (sebagai rampasan perang). Emas itu kepunyaan ‘Abbās.

(Harus pengambilan itu berlaku ketika angkatan perniagaan kaum jahiliah disekat di pertengahan jalan dalam masa kembali dari negeri Syam – P).

‘Abbās pun berkata: ((Ya Rasulullah jadikanlah dia (emas itu) sebagai penebusku))

((Tidak)), jawab Rasulullah, ((itu ialah suatu yang telah dikurniakan Allah kepada kita daripada mamanda.))

Tiba-tiba ‘Abbās berkata: ((Aku tiada berharta benda.))

Mendengarkan itu Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* berkata: ((Mana dia harta benda yang mamanda simpan di Mekah kepada Umm al-Faḍl (isteri ‘Abbās) sedang (pada ketika itu) tidak ada selain daripada mamanda berdua (yang mengetahuinya), lalu mamanda berkata kepadanya: ((Jika aku mati atau ditawan dalam pelayaranku maka bahagikanlah kepada al-Faḍl sekian, kepada Qathim sekian, dan kepada ‘Abdullāh sekian?))

Terperanjat ‘Abbās mendengarnya lalu berkata: ((Demi (Tuhan) yang mengutusmu dengan kebenaran, perkara ini tiada siapa-siapa mengetahuinya selain daripada Umm al-Faḍl, sesungguhnya (sekarang) mengetahuilah aku bahawa engkau ialah Rasulullah.))

Demikian menurut yang diriwayatkan oleh ‘Imārah sebagaimana yang disebutkan di atas tadi.

Dalam hal ini, Ibn ‘Abbās *raḍīyy Allahu ‘anhuma* menceritakan bahawa kaum Quraisy telah menghantarkan kepada Rasulullah orang-orangnya untuk membayar harta penebus bagi orang-orang mereka yang telah ditawan. Tiap-tiap kaum pun menebus orang mereka yang ditawan dengan harta penebus yang telah dipersetujui, tiba-tiba (ayahku) ‘Abbās berkata: “Ya Rasulullah, aku telah pun memeluk Islam...”

((Sehingga akhir kata-katanya). Ibn ‘Abbās berkata lagi: ((mengenai peristiwa ini telah turun firman Allah Ta‘ālā yang berbunyi:

*Yā ayyuhā al-Nabīyyu qul liman fī aydīkum mina al-Asrā:*

*In ya‘lami allahu fī qulūbikum khayran yu‘tikum khayran*

*mimmā ukhidhā minkum, wa yaghfir lakum... (Sūrah al-Anfāl, 70):*

Ertinya: Wahai Nabi, katakanlah kepada orang-orang tawanan yang ada dalam tangan kamu, ((jika Allah mengetahui bahawa dalam hati-hati kamu ada kebaikan, nescaya ia akan memberikan kamu kebaikan lebih dari yang diambil dari kamu.))

‘Abbās berkata: ((Aku kemudiannya (dalam zaman Islam) telah merasai kemewahan. Selain itu yang aku harapkan ialah keampunan Allah *‘azza wa jalla*.

Setelah Rasulullah *ṣallā Allāhu ṣallā ‘alayhi wa sallam* kembali ke Madinah dari medan perang Badar, Saiyidina ‘Abbās pun meminta izin hendak kembali ke Mekah sehingga ia keluar berhijrah ke Madinah. Rasulullah menjawab:

*((Aṭma ‘inna yā ‘amma, fa innaka khātamu al-muhājirīn, kamā anā khātamu al-nabiyyīn.))*

Ertinya: ((Tenangkanlah hati wahai mamanda, sesungguhnya mamanda ialah kesudahan orang-orang yang berhijrah, sebagaimana aku kesudahan sekalian Nabi-nabi!))

‘Abd Rahman bin Sā ‘idah meriwayatkan daripada ayahnya, katanya:

Kami (kaum Ansar) berhajat hendak berjumpa dengan Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu mendapat tahu baginda ada di rumah ‘Abbās, lalu kami masuk dan memberi hormat sambil berkata: ((Bila kita dapat berjumpa?)) ‘Abbās pun berkata: ((Bersama-sama kamu ada orang-orang dari kaum kamu yang berlainan kepercayaan dengan kamu, oleh itu rahsiakanlah perkara kamu, sehingga selesai orang-orang yang mengerjakan haji dan bersurai ke tempat masing. Ketika itu kita semua akan berjumpa, dan kami menerangkan perkara itu, dan dengan itu

kamu akan memasuki suatu perkara yang terang nyata.

Rasulullah pun berjanji dengan mereka bahawa hari perjumpaan itu ialah malam yang akhir di dalamnya orang-orang haji bersurai ke tempat masing-masing, dan di tempatnya ialah di sebelah selatan al-‘Aqabah (Jamrat al-Ūlā – tempat melontar yang pertama – di Minā). Nabi juga telah berpesan supaya jangan mereka mengejutkan orang yang tidur atau menunggu orang yang ghaib. Pada malam yang telah ditentukan itu keluarlah mereka seorang demi seorang menuju ke tempat itu, sedang Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah sampai lebih dahulu bersama-sama dengan mamandanya ‘Abbās. Orang yang mula-mula bercakap ialah ‘Abbās, katanya:

((Wahai kaum Khazraj (sebahagian dari kaum Ansar Madinah), kamu telah mengajak Muḥammad kepada apa yang kamu ajak itu, sedang ia ialah dari mulia-mulia orang dalam kalangan kaum kerabatnya. Demi Allah, ia sedia dibela dari kalangan kami oleh orang-orang yang beriman dengannya dan yang tidak! Semua orang telah menolak daripada menerima Muḥammad melainkan kamu, oleh itu jika kamu orang-orang yang ada kekuatan, tahan berjuang dan mengetahui akan selok belok peperangan, serta sanggup memusuhi bangsa Arab seluruhnya dengan bersendirian, kerana mereka akan bersatu menyerang kamu. Maka sekarang berilah pandangan kamu, dan putuskanlah perkara itu dengan tegas, kerana sebaik-baik kata-kata ialah kata-kata yang benar.))

‘Abdullah ibn ‘Amr bin Hirām pun tampil ke hadapan, lalu berkata:

((Kami ialah ahli peperangan, kami telah mewarisinya turun temurun. Kami memanah sehingga dapat memunah ranahkan lawan. Kemudian kami menikam dengan lembing

sehingga patah-patah batangnya! Kemudian kami menyerbu dengan pedang sehingga mati orang yang terdahulu ditetak oleh lawan daripada kami.))

Pada saat itu, ‘Abbās berkata: ((Kamu ialah ahli peperangan, tetapi adakah kamu mempunyai perisai.))

((Ada)), jawab mereka beramai-ramai.

Al-Barā’ bin Ma’rūr pula berkata: ((Kami telah mendengar apa yang tuan katakan itu. Kami, demi Allah, kalaulah ada pada diri kami selain daripada apa yang kami katakan itu nescaya kami akan mengatakannya.

Tetapi kami hanya menghendaki menyempurnakan janji dan berkata benar, serta sedia mengorbankan jiwa untuk membela Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pun berikat janji setia dengan mereka dengan dibantu oleh mamandanya Saiyidina ‘Abbās.

### **Kedudukan Saiyidina ‘Abbās di sisi Rasulullah**

#### **dan Sahabat-sahabatnya**

Ada diriwayatkan bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

((*Mā bālu rijālin yu’dhūnānī fī al-Abbās, wa in*

*‘ammu al-rijali ṣinwū abīh, man adhā al-Abbās fa qad ādhānī.*))

((Mengapa beberapa orang tergamak menyakiti perasaanku tentang (mamandaku) ‘Abbās? Sesungguhnya bapa saudara seorang itu ialah sebanding dengan bapanya. Barangsiapa menyinggung (mamandaku) ‘Abbās maka maka sesungguhnya ia telah menyinggung dan menyakiti aku.))

Dalam perang Hunain, ketika kebanyakan tentera Islam lari kerana digempur oleh musuh secara mengejut pada pagi-pagi subuh, Saiyidina ‘Abbās telah bertahan dengan gagahnya sambil memegang tali ras baghal kenderaan Rasulullah. Ia telah bertahan bersama-sama dengan baginda (termasuk Saiyidina ‘Alī dan beberapa sahabat yang lain - P.) sehingga tentera Islam berjaya menghancurkan musuh.

Dalam suatu riwayat yang lain, ada disebutkan:

Seorang dari kaum Ansar telah mengata-ngata akan salah seorang kaum kerabat Saiyidina ‘Abbās (yang telah mati dalam zaman jahiliah). Mendengarkan itu Saiyidina ‘Abbās naik marahnya lalu menampar akan orang (dari kaum Ansar) itu. Kejadian itu menyebabkan kaum kerabat orang itu tampil membelanya dan berkata: ((Kita akan menampar ‘Abbās sebagaimana ia menampar orang kita. Mereka pun memakai senjata. Apabila perkara itu sampai ke pengetahuan Rasulullah, baginda pun naik ke atas minbar lalu berucap, ujarnya:

((*Ayyuhā al-Nās, ayyu ahli al-Arḍi akrama ‘alā Allāh?*))

*Qalū: Anta – Qalā: Fa inna al-‘Abbās mannī wa anā minh, lā tasabbū amwātānā fa tu’dhū ahyānā.*))

Ertinya: ((Wahai manusia, yang manakah penduduk bumi yang lebih mulia kepada Allah?)) Mereka menjawab: ((Tuanlah)). Lalu baginda berkata: ((Sesungguhnya (mamandaku) ‘Abbās ialah daripada aku dan aku daripadanya, janganlah kamu memaki hamun orang-orang kita yang telah mati, kerana dengan itu kamu menyakiti orang-orang kita yang masih hidup.))

Mereka pun datang berjumpa Nabi lalu berkata:

((Kami berlindung kepada Allah daripada kemurkaanmu ya Rasulullah.))

Ibn ‘Umar, *raḍīyy Allahu ‘anhumā*, pula berkata:

Pada tahun kebuluran (kerana hujan tidak turun dan tanam-tanaman telah mati), ‘Umar (Ibn al-Khaṭṭāb) telah mengadakan sembahyang meminta hujan dan memohon kepada Allah dengan menyebut-nyebut akan kemuliaan ‘Abbās (mamanda Rasulullah).

Dalam doanya itu ‘Umar berkata”

((*Allahumma: Hadhā ‘ammu nabīyyika, natawajjahu ilayka bihi, faskinā...*))

Ertinya: ((Ya Tuhan kami; ini ialah mamanda Nabimu, kami bermohon kepadamu demi kemuliannya, dengan sebab itu kurniakanlah kami dengan turunnya hujan.))

Ibn ‘Umar meneruskan riwayatnya dengan berkata:

Belum sempat mereka bersurai tiba-tiba mereka dikurniakan Allah dengan turunnya hujan. ‘Umar pun berucap kepada orang ramai, lalu berkata:

((Sesungguhnya Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* adalah mamandang ‘Abbās sebagaimana pandangan seorang anak kepada bapanya, ia menghormatinya, ia membesarkannya, dan melayannya dengan baik. Oleh itu hendaklah kamu berpandu kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tentang layanannya terhadap mamandanya ‘Abbās, dan jadikanlah ‘Abbās itu ((wasilah)) (jalan) kepada Allah (ketika bermohon akan sesuatu) dalam apa-apa jua susah yang menimpa kamu.))

Lazimnya apabila Saiyidina ‘Abbās lalu di hadapan Saiyidina ‘Alī atau Saiyidina Uthmān dalam masa mereka sedang menunggang kenderaan mereka, mereka akan segera

turun sehingga ia lalu dan meninggalkan mereka.

Mereka lakukan demikian kerana menghormati mamanda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Saiyidina ‘Alī pula, ia lazimnya mencium tangan

Saiyidina ‘Abbās sambil berkata:

((*Yā ‘ammi, irḍa ‘annī*)).

((Wahai mamanda, redailah akan anakanda)).

Demikianlah sesudah dari riwayat hidup Saiyidina

‘Abbās, *raḍīyy Allahu ‘anh*.

#### BUKU2 RUMI:

(a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC)			
(Abdul Rahman H. Said)			1.50
2. Tunas Baru I	...	...	1.00
(Abdul Rahman M. Said)			1.50
3. Tunas Baru II, III dan IV			
4. Senang Bacha I dan II			
(Hasan Basri)		satu	80

(b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A. H. Edrus)			.30
6. Peristiwa Hari Sabtu“			.30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut			.30
8. Lutong Sakti I	“		.35
9. Lutong Sakti II	“		.35
10. Karun Dengan Harta-nya			.35
11. Pekebun Yang Tama’	“		.35
12. Lembu Chantek	“		.35
13. Kisah Minangkabau	“		.40
14. Sutan Balun	“		.40
15. Puteri Balqis	“		.45
16. Penduduk Gua	“		.50
17. Sebab Harimau	“		.50
18. Cherita Burong Hantu	“		.75
19. Nakhoda Dengan Datok Perpatih			.30
20. Si-Buta	“		.30

#### QALAM

356 & 358, Geylang Road,  
Singapore 14.